

Cabaran Pengurusan Harta Pusaka Muallaf dalam Masyarakat Majmuk di Malaysia
Challenges in The Administration of Muallaf Estates in a Pluralistic Society in Malaysia

Maryam Aabidah Nordin, Zaini Nasohah[✉] & Fikri
Research Centre for Sharia, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor, Malaysia
IAIN Parepare, Sulawesi, Indonesia

ABSTRAK

Artikel ini meneliti cabaran pengurusan harta pusaka muallaf melalui analisis perbezaan pandangan fuqaha' terhadap pewarisan antara Muslim dan bukan Muslim, serta implikasinya dalam konteks masyarakat majmuk di Malaysia. Perbahasan memfokuskan kedudukan muallaf sama ada sebagai pewaris atau pewaris yang berpotensi, khususnya apabila wujud hubungan kekeluargaan terdekat yang masih bukan Islam. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk analisis dokumen dengan menilai hujah dan prinsip pewarisan daripada empat mazhab utama (Hanafi, Maliki, Syafi'i dan Hanbali) serta sorotan pandangan kontemporari. Dapatan menunjukkan wujud ketegasan majoriti mazhab terhadap prinsip perbezaan agama sebagai penghalang pewarisan, namun terdapat perincian dan nuansa tertentu pada tahap aplikasi, termasuk keadaan waris memeluk Islam sebelum pembahagian pusaka serta pertimbangan masalah dalam wacana kontemporari. Artikel ini turut mengenal pasti punca kekeliruan dalam kalangan muallaf dan waris, antaranya perbezaan ijthad mazhab, kelemahan kefahaman hukum faraid, ketidakseragaman pelaksanaan fatwa antara negeri, serta kurangnya pendidikan proaktif institusi agama dan perundangan. Kesannya, pengurusan pusaka muallaf cenderung berhadapan kelewatan, pertikaian bidang kuasa dan risiko harta tidak dituntut. Justeru, artikel ini mencadangkan keperluan penyelarasan panduan, pemerkasaan literasi faraid, dan mekanisme penerangan yang lebih sistematik bagi melindungi hak muallaf selaras dengan maqasid Syariah.

KATA KUNCI

Muallaf, harta pusaka, pewarisan silang agama, fatwa, bidang kuasa mahkamah

ABSTRACT

This article examines the challenges of managing the estates of converts to Islam (muallaf) through an analysis of juristic differences among classical Muslim scholars (fuqaha') on inheritance between Muslims and non-Muslims, and the practical implications of these differences within Malaysia's multi-religious society. The discussion focuses on the legal position of the muallaf as an heir (or potential heir), particularly in situations where close family members remain non-Muslim. This study adopts a qualitative, in the form of analysis (library-based) approach by analysing the evidences, reasoning, and inheritance principles advanced by the four main Sunni schools of law (Hanafi, Shafi'i, and Hanbali), alongside selected contemporary perspectives. The findings indicate that the majority position maintains a firm rule that difference of religion constitutes a bar to inheritance; however, the schools differ in certain application-level details; including scenarios where an heir embraces Islam prior to the distribution of the estate and discussions on public interest (masalah) in contemporary discourse. The article also identifies key drivers of confusion among converts and heirs, including divergent juristic opinions, limited understanding of faraid, non-uniformity in fatwa implementation across states, and insufficient proactive outreach by religious and legal institutions. These factors contribute to delays, jurisdictional disputes, and the risk of unclaimed estates. Accordingly, the article proposes stronger standardisation of guidance, enhanced faraid literacy, and more systematic advisory mechanisms to safeguard the rights of muallaf in line with the objectives of Shariah (maqasid al-shariah).

Article History

Received: Jan 5, 2026
Revised: Jan 22, 2026
Accepted: Jun 3, 2026
Published: Jun 15, 2026

✉ Contact

Zaini Nasohah
(Corresponding Author)
zbn@ukm.edu.my

Citation

Maryam Aabidah Nordin, Zaini Nasohah & Fikri. 2026. Hukum Memakan Hamster Menurut Pandangan Empat Mazhab. *Journal of Contemporary Islamic Law*. 11(1): 76-82

Copyright

© 2026 by the author(s)



This work is licensed under a Creative Commons Attribution-Non-Commercial 4.0 International License. (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>)

KEYWORDS

Muallaf, estate administration, faraid, cross-religious inheritance, state fatwa, Shariah/Civil jurisdiction

PENGENALAN

Isu pewarisan dalam kalangan muallaf merupakan antara persoalan fiqh semasa yang terus dibahaskan oleh fuqaha klasik dan kontemporari, khususnya apabila melibatkan hubungan kekeluargaan terdekat yang masih belum memeluk Islam. Perbezaan agama antara muallaf dan waris bukan Islam memberi implikasi besar terhadap hak serta kelayakan pewarisan menurut hukum Syariah, dan pelaksanaannya dalam konteks peralihan agama sering kali lebih rumit daripada yang disangka.

Perbahasan ini lazimnya bertitik tolak daripada nas yang dijadikan sandaran utama, iaitu prinsip bahawa pewarisan tidak berlaku antara Muslim dan bukan Muslim. Namun dalam realiti kes muallaf, timbul persoalan praktikal yang berulang: adakah muallaf yang baru memeluk Islam masih boleh mewarisi daripada ibu bapa atau saudara yang belum Islam, dan sebaliknya adakah waris bukan Islam boleh mewarisi harta pusaka muallaf.

Di Malaysia, isu ini menjadi lebih kompleks apabila terdapat situasi muallaf meninggal dunia sebelum sempat mengislamkan ahli keluarga, lalu tercetus pertembungan tuntutan antara waris bukan Islam di Mahkamah Sivil dan pentadbiran pusaka melalui Mahkamah Syariah. Kekeliruan yang timbul sering dipengaruhi oleh perbezaan tafsiran dan pendapat fuqaha merentas mazhab serta pendekatan ijtihad kontemporari.

Sehubungan itu, artikel ini akan menelusuri pandangan mazhab-mazhab utama berkenaan kedudukan muallaf dan hubungan pewarisan dengan waris bukan Islam, di samping menganalisis faktor yang menyumbang kepada kekeliruan penetapan hukum dan menilai kesannya terhadap pelaksanaan pewarisan di Mahkamah Syariah serta institusi pentadbiran pusaka. Pendekatan ini penting bagi merumuskan kefahaman yang lebih jelas dan mencari penyelesaian yang adil selaras dengan maqasid al-syariah dalam isu pewarisan melibatkan perbezaan agama.

SOROTAN LITERATUR

Pembahagian harta pusaka melalui faraid ialah ketetapan syarak yang jelas, dan literatur menegaskan bahawa kefahaman faraid bukan sekadar isu teknikal pembahagian harta, tetapi satu kewajipan yang perlu diperkukuhkan dalam pendidikan umat. Perbincangan ini sering disandarkan kepada ayat al-Quran (al-Nisa', 4:11) sebagai asas bahawa pembahagian pusaka

merupakan ketetapan Allah, di samping penegasan bahawa memahami faraid ialah tuntutan fardu kifayah yang wajar disistematikkan dalam pendidikan agama (al-Zuhaili, 1997). Dalam konteks muallaf, kurangnya pendedahan kepada ilmu faraid dilihat sebagai faktor yang membuka ruang keciciran hak serta menjejaskan keadilan pengurusan pusaka, lalu mendorong keperluan pemerkasaan bimbingan institusi berkaitan.

Dari sudut fiqh klasik, literatur menunjukkan bahawa perbezaan agama menjadi penghalang utama pewarisan, termasuk dalam situasi muallaf yang masih mempunyai keluarga terdekat bukan Islam. Huraian mazhab Hanafi, misalnya, menyatakan pemutusan hubungan waris-mewarisi apabila seseorang memeluk Islam, serta menolak hak waris bukan Islam terhadap pusaka muallaf (al-Sarakhsi, al-Mabsut; al-Hasari, 1992). Pada masa yang sama, perbahasan Hanafi turut mengaitkan isu wilayah (dar) dan perlindungan (*'ismah*) dalam menentukan kelayakan pewarisan, sekali gus menunjukkan kerangka fiqh yang terperinci dalam menjustifikasi penghalang pewarisan berasaskan agama (al-Kasani, Bada'i al-Sana'i).

Walau majoriti fuqaha mengekalkan prinsip penghalang pewarisan silang agama, literatur turut menonjolkan kewujudan nuansa dan ruang ijtihad tertentu antara mazhab. Perbahasan dalam teks menunjukkan adanya pandangan yang mengiktiraf pengecualian dalam keadaan tertentu, misalnya apabila wujud keperluan menjaga harta (*hifz al-mal*) atau faktor darurat kemasyarakatan, yang menggambarkan variasi pendekatan ijtihad dalam menangani realiti kes (Paramyta & Alfarisi, 2023:5). Selain itu, fuqaha kontemporari menilai semula pendekatan literal terhadap larangan pewarisan dengan mengambil kira perubahan konteks sosial keluarga muallaf, termasuk penekanan terhadap prinsip hubungan kekeluargaan (*al-muwalat*) dan masalah keluarga (Rahman et al., 2018:13; al-Qaradawi; al-Zuhaili).

Literatur kes pula mengukuhkan bahawa pertikaian pewarisan muallaf bukan hanya bersifat teori, malah mempunyai implikasi langsung dalam amalan. Dalam *Lim Ee Wah v Boon Siew Lian & Anor* (2020) MLJU 2366, mahkamah mengekalkan prinsip bahawa waris bukan Islam tidak mewarisi harta pusaka si mati muallaf, selari dengan pendirian majoriti fuqaha, namun keputusan sebegini sering mencetus perdebatan awam akibat kefahaman yang tidak jelas tentang rasional hukum. Kajian juga menunjukkan konflik keluarga cenderung berlaku apabila tiada penjelasan awal status pewarisan dan muallaf tidak sempat merancang harta melalui

instrument seperti wasiat atau hibah (Rahman & Hassan, 2020:242)

Dalam konteks Malaysia, literatur menekankan isu ketidakseragaman pelaksanaan fatwa antara negeri sebagai punca utama kekeliruan pengurusan pusaka muafaf. Hal ini dikaitkan dengan struktur perundangan yang meletakkan hal ehwal di bawah bidang kuasa negeri sebagaimana Jadual Kesembilan Senarai II Perlembagaan Persekutuan, lalu membuka ruang perbezaan pendekatan fatwa antara negeri (Rahman et al., 2018:53). Ketidakselarasan ini menimbulkan kesulitan praktikal apabila waris berada di negeri berbeza atau harta tersebar di beberapa negeri, sekali gus berpotensi mencetus pertikaian rentas bidang kuasa (Tahir et al., 2020:155). Kajian turut melaporkan perbezaan pendekatan Majlis Agama Islam negeri terhadap tuntutan waris bukan Islam, termasuk negeri yang menerima agihan melalui mekanisme tertentu berasaskan masalah berbanding negeri yang kekal dengan pendekatan literal.

Literatur juga mengangkat isu konflik bidang kuasa antara Syariah dan Sivil sebagai cabaran besar dalam kes pusaka muafaf. Contohnya, kes *Majlis Agama Selangor v Bong Boon Chuen & Ors* [2018] MLJU 1986 menunjukkan percanggahan antara pendirian fatwa negeri Selangor yang menolak pewarisan silang agama dengan pertimbangan Mahkamah Sivil yang menilai tuntutan atas asas undang-undang sivil tertentu, sekali gus mencerminkan ketidakselarasan dasar dan ketidakpastian pelaksanaan (Zainal & Md Yusof, 2020). Dari sudut teori hukum, perbincangan ini sering dirangka melalui konsep *al-maslahah al-mursalah*, iaitu pertimbangan kemaslahatan yang tidak bercanggah dengan prinsip asas syarak. Namun, apabila aplikasi masalah berbeza mengikut negeri, keadaan ini boleh melemahkan keyakinan terhadap konsistensi sistem (al-Zuhayli, 1997)

Selain isu fiqh dan fatwa, literatur pentadbiran menunjukkan bahawa prosedur pusaka di Malaysia melibatkan pelbagai institusi (Mahkamah Syariah, Amanah Raya Berhad, Pejabat Tanah dan Mahkamah Tinggi), menjadikan proses tuntutan kelihatan “terpecah-pecah” dan sukar difahami, khususnya bagi muafaf yang kurang pendedahan kepada sistem perundangan (Nasrul et al., 2017). Pada masa yang sama, kajian turut menyatakan muafaf boleh berdepan tekanan keluarga bukan Islam dan cabaran tuntutan di Mahkamah Sivil, yang menambah beban emosi serta melambatkan penyelesaian (Fakhrudin & Awang, 2020). Kesan akhirnya ialah risiko pusaka terbiar atau tidak dituntut akibat kelewatan, ketidaktahuan prosedur dan kekeliruan perundangan, yang menjejaskan manfaat ekonomi keluarga (Noor et al., 2018; Rosalm & Ahmad, 2022).

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis dokumen. Tumpuan kajian adalah untuk

menilai kedudukan muafaf dalam pewarisan harta pusaka serta implikasi pewarisan antara Muslim dan bukan Muslim, khususnya apabila hubungan kekeluargaan terdekat masih berlainan agama. Dalam konteks ini, kajian menelusuri perbezaan pandangan fuqaha klasik dan kontemporari bagi memahami asas hukum, rasional penghujahan, serta bagaimana perbezaan ijihad tersebut mempengaruhi kefahaman dan amalan pengurusan pusaka muafaf di Malaysia.

Data kajian diperoleh sepenuhnya daripada sumber dokumentasi yang berautoriti. Sumber primer merangkumi nas yang menjadi sandaran utama perbincangan pewarisan silang agama, khususnya hadis yang sering dijadikan asas oleh jumhur fuqaha dalam menetapkan halangan pewarisan antara penganut agama berbeza. Selanjutnya, kajian menilai karya fiqh turath daripada mazhab-mazhab utama bagi meneliti perincian syarat pewarisan, konsep penghalang pewarisan, serta hujah yang digunakan dalam menilai hubungan waris muafaf dengan keluarga bukan Islam. Perbincangan juga disokong oleh penulisan kontemporari yang membahaskan isu muafaf dari sudut realiti sosial dan masalah keluarga, termasuk wacana yang menekankan keperluan memahami isu ini secara lebih praktikal dalam masyarakat majmuk.

Proses pemilihan dokumen dibuat berdasarkan kerelevanan langsung dengan fokus kajian, iaitu perbincangan hukum pewarisan muafaf dan kesan perbezaan pandangan fuqaha terhadap aplikasi di Malaysia. Dokumen yang dipilih juga memastikan kepelbagaian perspektif, sama ada pendirian majoriti mazhab yang menekankan prinsip larangan pewarisan silang agama, mahupun pendekatan kontemporari yang membincangkan ruang ijihad melalui pertimbangan masalah. Bagi menghubungkan dimensi teori dengan realiti pelaksanaan, kajian turut merujuk dokumen perundangan dan keputusan kes yang berkaitan bagi menggambarkan bagaimana pertikaian boleh tercetus apabila berlakunya tuntutan daripada waris bukan Islam, termasuk dalam keadaan muafaf meninggal dunia tanpa perancangan harta yang jelas.

Analisis data dijalankan menggunakan analisis kandungan bertema dan analisis perbandingan. Melalui analisis kandungan, dapatan daripada dokumen dikumpul dan dihuraikan mengikut tema seperti asas dalil dan prinsip umum pewarisan, rasional penghujahan fuqaha, titik perbezaan antara mazhab, serta faktor yang menyumbang kepada kekeliruan dan cabaran praktikal dalam pengurusan pusaka muafaf. Seterusnya, analisis perbandingan mazhab digunakan untuk menilai persamaan dan perbezaan hujah, serta mengenal pasti implikasi perbezaan tersebut terhadap kefahaman masyarakat dan bentuk penyelesaian yang dibincangkan dalam wacana kontemporari. Pada masa yang sama, analisis kes digunakan sebagai ilustrasi untuk menunjukkan bagaimana pertindihan forum dan perbezaan pendekatan boleh menjejaskan kelancaran

pentadbiran pusaka, sekali gus meningkatkan risiko pertikaian dan kelewatan dalam proses tuntutan.

Bagi meningkatkan ketekalan dapatan, kajian membuat semakan silang antara nas, huraian fuqaha, dan perbincangan kontemporari supaya rumusan yang dibuat tidak terpisah daripada realiti sosial keluarga mualaf. Namun, memandangkan kajian ini bersifat kepustakaan, ia tidak melibatkan temu bual atau pengumpulan data lapangan. Oleh itu, dapatan kajian lebih menekankan analisis norma hukum, variasi ijihad, dan implikasi pelaksanaan berdasarkan dokumen dan kes yang tersedia, yang seterusnya menjadi asas untuk merumuskan kefahaman yang lebih tersusun bagi menyokong pengurusan pusaka mualaf yang selaras dengan maqasid al-syariah.

DAPATAN KAJIAN

Pandangan Fuqaha Tentang Kedudukan Mualaf Dalam Pewarisan Harta Pusaka

Dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti daripada mazhab Hanafi, Syafi’I dan Hanbali sepakat bahawa perbezaan agama merupakan penghalang utama (*mani’ al-mirath*) dalam pewarisan harta pusaka. Berdasarkan pendekatan ini, seorang mualaf yang memeluk Islam terputus hak pewarisan dengan ahli keluarganya yang masih bukan Islam, dan begitu juga sebaliknya. Pendekatan ini berpaksikan kepada hadis Nabi SAW yang diriwayatkan oleh Usamah bin Zaid RA:

لَا يَرِثُ الْمُسْلِمُ الْكَافِرَ، وَلَا يَرِثُ الْكَافِرُ الْمُسْلِمَ

Maksudnya: ‘Orang Islam tidak mewarisi daripada orang kafir dan orang kafir tidak mewarisi daripada orang Islam.’ (al-Bukhari, Sahih al-Bukhari, no. 6383; Muslim, Sahih Muslim, no. 1614)

Hadis ini menjadi sandaran utama jumhur fuqaha dalam menegaskan bahawa keseragaman agama antara pewaris dan waris adalah syarat asas pewarisan. Dapatan kajian mendapati bahawa pendekatan ini bukan sekadar bersifat tekstual, malah turut didorong oleh pertimbangan maqasid Syariah, khususnya dalam menjaga agama (*hifz al-din*) dan memastikan harta umat Islam kekal dalam lingkungan masyarakat Islam (al-Sarakhsi, 1993: Kamali, 2008).

Walau bagaimanapun, kajian ini turut mendapati bahawa Mazhab Maliki dan sebahagian fuqaha salaf seperti Mu’az bin Jabal dan Ibn al-Musayyab mengemukakan pendekatan yang lebih fleksibel. Mereka membenarkan seorang Muslim, termasuk mualaf, mewarisi harta pusaka waris bukan Islam dalam keadaan tertentu, khususnya apabila wujud hubungan nasab yang kukuh dan bagi mengelakkan kemudaratan terhadap waris Muslim. Pendekatan ini disokong oleh prinsip ketinggian Islam sebagaimana sabda Rasulullah SAW:

الإسلامُ يعلو ولا يُعلى عليه

Maksudnya: ‘Islam itu tinggi dan tiada yang lebih tinggi daripadanya.’ (al-Zarqani, Mukhtasar al-Maqasid al-Hasanah fi bayan al-ahadith, No. hadis 3664)

Dapatan ini menunjukkan bahawa khilaf fuqaha bukan sekadar berpunca daripada perbezaan tafsiran nas, tetapi juga daripada perbezaan metodologi istinbat hukum, sama ada berpegang secara literal kepada dalil atau mengambil kira masalah dan realiti sosial semasa (Ibn Qudamah, 1968: al-Zuhayli, 1997)

Punca Kekeliruan Dalam Penetapan Hukum Syarak Berkaitan Pewarisan Mualaf

Kajian ini mendapati bahawa kekeliruan dalam penetapan hukum pewarisan mualaf berpunca daripada beberapa faktor utama. Antaranya ialah perbezaan pandangan fuqaha yang ketara antara mazhab-mazhab fiqh, khususnya berkaitan pewarisan antara Muslim dan bukan Muslim. Perbezaan ini mewujudkan pelbagai tafsiran dalam kalangan masyarakat awam, malah turut mempengaruhi fatwa dan amalan institusi agama di Malaysia (Aliakbar, 2024; Rahman et al., 2018).

Selain itu, dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kefahaman mualaf terhadap sistem faraid dan implikasi pengislaman terhadap hak pewarisan masih berada pada tahap yang rendah. Kebanyakan program bimbingan mualaf lebih menekankan aspek akidah dan ibadah asas, tanpa memberi pendedahan yang mencukupi terhadap hukum keluarga dan pengurusan harta pusaka. Keadaan ini menyebabkan mualaf tidak menyedari bahawa pemeluk Islam memberi kesan langsung terhadap kelayakan mereka sebagai waris, melainkan jika perancangan awal seperti wasiat atau hibah dibuat semasa hayat (Musa Awang, 2015; Abdullah, 2023).

Firman Allah SWT dalam Surah al-Nisa’ ayat 11 dengan jelas menunjukkan bahawa pewarisan merupakan satu ketetapan syarak yang terperinci dan wajib dipatuhi:

يُوصِيكُمُ اللَّهُ فِي أَوْلَادِكُمْ لِلذَّكَرِ مِثْلُ حَظِّ الْأُنثِيَيْنِ

Maksudnya: ‘Allah perintahkan kamu mengenai (pembahagian harta pusaka untuk) anak-anak kamu, iaitu bahagian seorang anak lelaki menyamai bahagian dua orang anak perempuan.’ (Surah al-Nisa’, 4:11)

Kekeliruan turut diperburuk oleh pelaksanaan fatwa yang tidak seragam antara negeri-negeri di Malaysia, kesan daripada struktur perlembagaan yang meletakkan hal ehwal agama

Islam di bawah bidang kuasa negeri. Dapatan kajian mendapati bahawa perbezaan pendekatan fatwa ini bukan sahaja menyukarkan pentadbiran pusaka mualaf, malah menimbulkan konflik bidang kuasa antara Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil, sebagaimana yang dapat dilihat dalam beberapa kes kehakiman berkaitan mualaf (Zainal & Md Yusof, 2020).

Kesan Perbezaan Pandangan Fuqaha' Terhadap Pengurusan Pewarisan Pusaka Mualaf

Dapatan kajian menunjukkan bahawa perbezaan pandangan fuqaha memberi kesan langsung terhadap keberkesanan pengurusan pewarisan harta pusaka mualaf. Antara kesan utama yang dikenal pasti ialah kelewatan dalam penyelesaian kes pusaka, pertindihan bidang kuasa antara institusi, serta peningkatan konflik dalam kalangan waris Muslim dan bukan Muslim. Keadaan ini sering menyebabkan harta pusaka mualaf terbiar dan tidak dituntut dalam tempoh yang lama, sekali gus menjejaskan manfaat ekonomi kepada waris yang layak (Noor et al., 2018; Roslan & Ahmad, 2022).

Selain itu, kajian ini mendapati bahawa ketidakseragaman pandangan fiqh turut mempengaruhi keputusan hakim dan amalan pentadbiran di Mahkamah Syariah, khususnya dalam kes yang melibatkan hibah, wasiat dan tuntutan harta oleh waris bukan Islam. Perbezaan ini mewujudkan ketidakpastian undang-undang dan menjejaskan keyakinan masyarakat, terutamanya golongan mualaf, terhadap keadilan sistem pewarisan Islam (Abdullah et al., 2021; Said & Yusoff, 2020).

Namun demikian, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa perbezaan pandangan fuqaha ini sebenarnya membuka ruang ijtihad untuk merangka penyelesaian yang lebih holistik dan berteraskan maqasid Syariah. Pendekatan seperti penyeragaman fatwa di peringkat kebangsaan, pemerkasaan pendidikan faraid kepada mualaf, serta penggunaan instrumen perancangan harta Islam seperti hibah dan wasiat dilihat berpotensi mengurangkan konflik dan melindungi kebajikan mualaf dalam jangka panjang (al-Zuhayli, 1997; Kamali, 2008).

Secara keseluruhannya, hasil dan dapatan kajian ini menegaskan bahawa isu pewarisan harta pusaka mualaf bukan sekadar persoalan hukum fiqh semata-mata, tetapi turut melibatkan aspek pendidikan, tadbir urus dan penyelarasan institusi. Tanpa pendekatan yang menyeluruh dan bersepadu, perbezaan pandangan fuqaha akan terus memberi kesan negatif terhadap pengurusan pewarisan mualaf dan menjejaskan objektif keadilan yang menjadi teras sistem pewarisan Islam.

PERBINCANGAN

Perbincangan ini meneliti dapatan kajian secara kritikal dengan mengaitkannya kepada kerangka fiqh pewarisan Islam, prinsip maqasid al-Syariah serta

realiti pelaksanaan undang-undang di Malaysia. Berdasarkan dapatan kajian, jelas bahawa perbezaan pandangan fuqaha mengenai pewarisan antara Muslim dan bukan Muslim berpunca daripada perbezaan metodologi istinbat hukum, khususnya antara pendekatan yang berpegang secara literal kepada nas dan pendekatan yang mengambil kira masalah serta realiti sosial semasa. Jumhur fuqaha yang menegaskan bahawa perbezaan agama merupakan penghalang mutlak kepada pewarisan berusaha mengekalkan keteguhan prinsip *hifz al-din* dan kejelasan sempadan hukum Islam dalam institusi pewarisan (al-Syafi'i, 1990; Ibn Qudamah, 1968). Pendekatan ini menjamin konsistensi hukum dan kepastian perundangan, namun dalam konteks mualaf, ia berpotensi menimbulkan implikasi sosial dan ekonomi yang signifikan, khususnya apabila mualaf kehilangan sokongan harta daripada keluarga asal yang masih bukan Islam (Rahman et al., 2018; Aliakbar, 2024).

Sebaliknya, pandangan minoriti fuqaha yang membenarkan pewarisan dalam keadaan tertentu memperlihatkan usaha untuk menyeimbangkan antara pemeliharaan agama dan keadilan sosial. Pendekatan ini menggambarkan keluasan fiqh Islam dalam merespons realiti masyarakat majmuk, terutamanya apabila mualaf berada dalam keadaan rentan dan terdedah kepada kemudaratan sekiranya dinafikan sepenuhnya hak ekonomi daripada keluarga asalnya (Ibn Rushd, 1995; al-Zuhayli, 1997). Dalam hal ini, khilaf fuqaha tidak wajar dilihat sebagai kelemahan sistem Syariah, sebaliknya sebagai ruang ijtihad yang boleh dimanfaatkan secara berhemah untuk mencapai maqasid al-Syariah, khususnya dalam menjaga kebajikan individu dan kestabilan sosial (Kamali, 2008).

Perbincangan dapatan kajian juga menunjukkan bahawa kedudukan mualaf dalam pewarisan harta pusaka berada pada persimpangan antara ketetapan nas yang bersifat umum dan sah dengan realiti sosial kontemporari yang semakin kompleks. Walaupun hadis Nabi SAW yang melarang pewarisan silang agama diterima sebagai asas utama hukum oleh majoriti fuqaha (al-Bukhari, Sahih al-Bukhari; Muslim, Sahih Muslim), penerapannya dalam konteks semasa memerlukan penelitian yang lebih berhati-hati agar tidak bercanggah dengan prinsip keadilan dan rahmah yang menjadi teras Syariah. Dalam konteks Malaysia, mualaf sering memeluk Islam dalam keadaan hubungan kekeluargaan yang rapuh, malah ada yang berhadapan dengan peminggiran sosial dan ekonomi selepas pengislaman. Kegagalan mengurus isu pewarisan secara strategik berpotensi melemahkan kedudukan mualaf dan menimbulkan persepsi negatif terhadap sistem perundangan Islam itu sendiri (Coulson, 1971; Fakhruddin & Awang, 2020).

Selain itu, perbincangan ini mendapati bahawa kekeliruan hukum pewarisan mualaf bukan semata-mata berpunca daripada perbezaan pandangan fuqaha, tetapi lebih ketara disebabkan oleh kelemahan penyelarasan ilmu dan institusi. Ketidakseragaman

fatwa antara negeri, perbezaan amalan Mahkamah Syariah, serta jurang maklumat antara institusi agama dan masyarakat awam telah menyumbang kepada kekeliruan berpanjangan dalam kalangan muafak dan waris mereka (Asni & Sulong, 2018; Shamsul Anuar Abdullah, 2021). Dalam keadaan ini, masalah utama bukan terletak pada kepelbagaian pandangan fiqh, tetapi pada ketiadaan garis panduan operasi yang jelas dan bersifat nasional bagi mengurus pewarisan muafak secara menyeluruh. Situasi ini jelas bercanggah dengan prinsip al-darar yuzal yang menuntut agar segala bentuk kemudharatan dihilangkan dalam pelaksanaan hukum Islam (al-Zuhayli, 1997).

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, artikel ini menunjukkan bahawa cabaran pengurusan harta pusaka muafak di Malaysia, berpunca daripada pertembungan antara ketetapan fiqh pewarisan yang menekankan keseragaman agama sebagai syarat pewarisan, dengan realiti keluarga muafak yang sering melibatkan hubungan kekeluargaan terdekat yang masih bukan Islam. Dapatan kajian menegaskan bahawa jumhur fuqaha mengekalkan prinsip perbezaan agama sebagai mani' al-mirath berasaskan hadis sahih, namun perincian aplikasi dan wacana kontemporari memperlihatkan nuansa tertentu seperti isu "masa memeluk Islam" sebelum pembahagian pusaka serta pertimbangan masalah bagi mengelakkan kemudharatan terhadap muafak dan keluarganya.

Justeru, khilaf fuqaha dalam isu ini tidak wajar dilihat sebagai kelemahan Syariah, sebaliknya menzahirkan keluasan ijtihad yang menuntut penelitian berhikmah agar matlamat keadilan dan rahmah dapat dicapai tanpa menjejaskan prinsip asas pemeliharaan agama dan harta. Punca kekeliruan yang paling kritikal bukan semata-mata perbezaan pandangan mazhab, tetapi kelemahan pada tahap literasi faraid, ketidakseragaman pelaksanaan fatwa antara negeri, dan jurang koordinasi institusi yang mengurus pusaka. Implikasi langsungnya ialah kelewatan penyelesaian pusaka, pertikaian forum bidang kuasa Syariah-Sivil, serta peningkatan risiko harta terbiar atau tidak dituntut yang akhirnya menjejaskan kebajikan waris dan kedudukan ekonomi muafak.

Maka, penyelesaian yang dicadangkan perlu bersifat bersepadu iaitu penyelarasan panduan operasi dan fatwa secara lebih seragam sekurang-kurangnya pada tahap garis panduan nasional, pemerkasaan literasi faraid dan perancangan harta khusus untuk muafak melalui modul bimbingan yang sistematik, dan mekanisme khidmat nasihat awal yang jelas melibatkan institusi agama dan perundangan. Dengan pendekatan ini, pengurusan pusaka muafak dapat diperkemas selaras dengan maqasid al-Syariah, sekali gus mengurangkan mudarat, mempercepatkan

penyelesaian, dan melindungi hak muafak secara lebih adil dalam masyarakat majmuk di negeri Malaysia.

RUJUKAN

- Abdullah, M. (2023). Wasiat beramanah: alternatif kepada perancangan harta pusaka yang komprehensif di Malaysia. *Journal of Islamic Philanthropy and Social Finance*, 5(1), 33-44.
- Abū 'Aynayn, B. (1984). *Al-'Alāqat al-ijtimā'iyat bayna al-muslimīn wa ghayr al-muslimīn*. Beirut: Dār al-Nahdah al-Arabiyyah.
- Abū Dāwud, S. ibn al-Ash'ath. (n.d.). *Sunan Abī Dāwud*. Kitāb al-Farā'id, no. hadis 2166.
- Abu Dāwud, S. ibn al-Ash'ath. (n.d.). *Sunan Abi Dāwud*. Kitāb al-Farā'id, Bāb fī man aslama 'alā mīrāthin, Hadith no. 2914
- Ahmad, M. (2021). Permasalahan tuntutan harta sepencarian dalam pembahagian harta pusaka. *Journal of Fatwa Management and Research*, 24(2), 118-131.
- al-Buhūfī, M. ibn Y. (1997). *Kashshāf al-qinā' 'an matn al-Iqnā'*. Riyadh: Maktabah al-Riyād al-Hadīthah.
- Al-Bukhārī. (n.d.). *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Kitāb al-Farā'id, Bāb Lā Yarīth al-Muslim al-Kāfir, ḥadīth no. 6383.
- Al-Hasarī, A. (1992). *Al-Ṭarīqāt wa al-Waṣāyā wa al-Qaḍāyā al-Muta'alliqāt bihimā fī al-fiqh al-Islāmī al-muqāran*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Aliakbar, M. (2024). Cabaran muafak di Malaysia dan cadangan penyelesaian. *jpi*, 17(1), 121-132.
- al-Kasani, A. (2003). *Bada'i al-Sana'i fi Tartib al-Shara'i*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- al-San'ānī, M. I. (t.th.). *Subul al-salām sharḥ bulūḡ al-marām*. Jil. 3. Pulau Pinang: Pustaka al-Maarif.
- Al-Sarakhsi, M. (1993). *al-Mabsut*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Shafī'i, Muhammad ibn Idris. *al-Umm*. (1990) Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- al-Sharbīnī, M. K. (1958). *Mughnī al-muḥtāj ila ma'rīfat ma'āni al-fāz al-minḥaj*. Jil. 2. Kaherah: Matbaah Mustafa al-Halabi.
- al-Shaybānī, 'Abd al-Qādir ibn 'Umar. (1983). *Nayl al-Ma'ārib bi Sharḥ Dalīl al-Ṭālib*. Kuwait: Maktabah al-Falāh.
- al-Zarqanī, Muhammad Abd al-Baqi. (1983). *Mukhtasar al-Magasid al-Hasanah fi bayan al-ahūdith*, Maktabah al-Islāmiy, Beirut.
- Al-Zuhāilī, W. (1997). *Al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*. Damascus: Dār al-Fikr.
- Asni, M. and Sulong, J. (2018). Penyeragaman fatwa berhubung isu-isu wakaf di Malaysia: satu sorotan awal.1(9), 110-128
- Badlihissham, N., Yasin, R., & Ghani, S. (2023). Peranan teknologi maklumat dan komunikasi (ict) dalam dakwah akidah terhadap anak-anak muafak: satu penelitian. *jpi*, 16(2), 153-167. <https://doi.org/10.53840/jpi.v16i2.282>
- Barraj, J. M. M. (1999). *Ahkam al-Mirath fi al-Shari'ah al-Islamiyah*. Dār Yafaa al-Ilmiyah.
- Coulson, N. J. (1971). *Succession in the Muslim Family*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2006). *Kamus Besar Arab-Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. (p. 2615)

- Fakhrudin, A. and Awang, A. (2020). Sorotan literatur terhadap cabaran pendidikan islam anak-anak mualaf di malaysia. *Al-Irsyad Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 5(2), 444-455.
- Ghozali, M., Firdaus, M., Saleh, M., & Musa, Z. (2024). Kajian perbandingan hak warisan anak angkat di indonesia dan malaysia. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 12(3), 726-738.
- Hasbullah, M., Rahman, A., Ismail, A., Salleh, A., Zakaria, M., Musa, Z., ... & Ghani, N. (2021). Model pusat sehati pengurusan harta pusaka islam (faraid). *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 9(1), 114-124.
- Ibn Ḥazm, Abū Muḥammad ‘Alī ibn Aḥmad. (1993). *al-Muḥallā bi'l-Āthār*. al-Qāhirah: Maṭba‘ah al-Imām.
- Ibn Qudāmah, A. M. (1968). *Al-Mughnī*. (M. Sharaf al-Dīn, Ed.). Cairo: Maktabat al-Qāhirah.
- Ibn Rushd, *Bidayat al-Mujtahid wa Nihayat al-Muqtasid*, (1995) Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Kamali, M. H. (2008). *Shari'ah Law: An Introduction*. Oxford: Oneworld Publications.
- Muda, M. Z. (2000). Kesan pertukaran agama dan mazhab terhadap undang-undang diri di Malaysia (Unpublished doctoral thesis), Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor.
- Muslim, al-Naysābūrī. (n.d.). *Ṣaḥīḥ Muslim*. Kitāb al-Farā'id, ḥadīth no. 1614.
- Nasrul, M., Salim, W., Said, M., & Manap, S. (2017). Administration of estates in malaysia: jurisdiction and misconception. *Uum Journal of Legal Studies*,
- Noor, N., Ismail, C., Noor, N., & Mahamood, S. (2018). Harta wasiat orang islam: satu ulasan ringkas dari perspektif perundangan di malaysia. *E-Academia Journal*, 7(SI-TeMIC18).
- Paramyta, D. and Alfarisi, S. (2023). Hak waris antara para ahli waris yang berbeda agama dengan pewaris menurut hukum waris islam. *JLL*, 2(1), 1-9.
- Rahmad, N., Setiyawan, D., & Dewi, M. (2024). Penyuluhan hukum tentang pemahaman siswa terhadap bullying dalam perspektif hukum di smk muhammadiyah sempor. *Jurnal Warta Desa (Jwd)*, 6(2), 96-103.
- Rahman, A. and Hassan, R. (2020). Islamic estate planning in malaysia: the dilemma (the dilemma perancangan harta islam di malaysia: satu dilema). *Journal of Islam in Asia (E-Issn 2289-8077)*, 17(2), 238-268.
- Rahman, A., Subri, I., Taib, M., Dali, N., Razali, ., Ibrahim, R., ... & Ismail, N. (2018). Analisis pentafsiran mualaf menurut islam dan enakmen pentadbiran agama islam negeri di malaysia. *Journal of Fatwa Management and Research*, 6(1), 9-37.
- Rahman, A., Subri, I., Taib, M., Razali, ., Dali, N., Ibrahim, R., ... & Ismail, N. (2018). Persepsi mualaf terhadap pengisian pengislaman dan program pembangunan mualaf: kajian di negeri sembilan. *Journal of Fatwa Management and Research*, 6(1), 135-148.
- Rahman, A., Subri, I., Taib, M., Razali, ., Dali, N., Ibrahim, R., ... & Ismail, N. (2018). Indeks pengukuran penentuan had tempoh mualaf di malaysia. *Journal of Fatwa Management and Research*, 6(1), 39-63.
- Roslan, N. and Ahmad, A. (2022). Pentadbiran harta pusaka dan implikasi negatif harta tidak dituntut. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (Mjssh)*, 7(4), e001453.
- Rushdan, W., Muda, M., & Kusrin, Z. (2021). Pembahagian harta pusaka dalam kalangan masyarakat muslim di negeri sembilan: satu kajian literatur. *Journal of Contemporary Islamic Law*, 1(2).
- Sahid, M., Saleh, M., Wajis, N., Gunardi, S., Majid, M., Tagarano, M., ... & Ramli, N. (2017). Perwarisan tanah adat/ulayat di indonesia dan malaysia dalam adat perpatih : satu tinjauan syarak. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 5(1).
- Shaltut Mahmud, *al-Fatawā: Dirasah li-Mushkilāt al-Muslim ail-Muasir fi Hayatih al-Yawmiyah al-Ammah*. (2004). Dār al-Shurug, al-Qāhirah.
- Tahir, A., Cangara, H., & Arianto, A. (2020). Komunikasi dakwah da'i dalam pembinaan komunitas mualaf di kawasan pegunungan karomba kabupaten pinrang. *Jurnal Ilmu Dakwah*, 40(2), 155.